

07/09/2001

Pelajar MRSM perlu berdikari

Aswany Omar

KUANTAN, Khamis - Tiga perkara perlu menjadi pegangan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) untuk membolehkan mereka bersaing dengan kaum lain apabila sistem meritokrasi dilaksanakan tidak lama lagi.

Presiden Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia (Ansara), Mukhriz Mahathir, berkata tiga perkara berkenaan ialah mesti mempunyai matlamat hidup, gigih berusaha dan berniat ikhlas sebagai pelajar.

Beliau berkata, dengan memiliki tiga ciri itu, pelajar MRSM tidak perlu mengharapkan pemberian kerajaan semata-mata untuk memenuhi hasrat mereka.

Sebaliknya, beliau berkata, mereka perlu berdikari kerana sudah dilatih untuk berbuat demikian ketika mengikuti pengajian di MRSM.

"Pelajar MRSM juga berpotensi mencapai kejayaan lebih cemerlang dalam pelbagai bidang, termasuk akademik dan kokurikulum," katanya ketika merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang Dan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) 2001 di Dewan Ilmu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuantan, semalam.

Mukhriz yakin pelajar MRSM tidak mempunyai masalah dengan pelaksanaan sistem meritokrasi kerana mereka dipupuk supaya sentiasa bersedia dengan segala cabaran dalam sistem pendidikan negara.

"Sebenarnya sistem meritokrasi bukan satu masalah, malah memberi peluang kepada pelajar berusaha dan memperlihatkan keunggulan tanpa bantuan orang lain," katanya.

Selaku presiden Ansara, kata beliau, persatuan itu tidak membantah sistem meritokrasi.

Mengenai pembabitkan bekas pelajar MRSM dalam gerakan bawah tanah atau militan di universiti, Mukhriz berkata, penerapan disiplin yang tinggi dapat mengelakkan mereka menyertai kegiatan seumpama itu.

"Pada masa ini, tidak ada bekas pelajar berkenaan dilaporkan terbabit dengannya.

"Bagaimanapun, saya dukacita jika ada di antara mereka berbuat demikian," katanya.

(END)